

Khamis, Mac 15 2018

Kastam akan laksana cukai iklan terhadap Google, Facebook

UM 15/3

PUTRAJAYA 14 Mac - Cukai iklan terhadap pentadbir enjin carian Google dan laman sosial popular Facebook bakal dilaksanakan pada masa akan datang.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri T. Subromaniam berkata, pihaknya bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kementerian Kewangan masih menjalankan kajian berhubung perkara tersebut.

Menurutnya, kajian itu tertumpu kepada mekanisme untuk pelaksanaan cukai ke atas dua medium media sosial tersebut.

"Memang kita sedang mengkaji perkara ini dan ia memang sesuai untuk dikenakan cukai terutama apabila negara melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Kita akan buat, tetapi bukan dalam waktu sekarang kerana perkara ini perlu diterangkan kepada semua pihak dengan terperinci," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam dalam majlis *Lunch-eon Talk* Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Ketua-Ketua Pengarang dan Pemegang Permit Penerbitan, isu mengenai cukai ke atas Google dan Facebook telah dibangkitkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet.

Subromaniam berkata, sewaktu cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dilaksanakan, saranan untuk mengenakan cukai ke atas dua medium itu memang tidak sesuai kerana SST

tidak boleh dikenakan ke atas industri baharu.

"Tetapi sekarang di bawah GST, barulah kita boleh kaji, malah kita juga sedang kaji untuk mengenakan cukai ke atas pembekal perkhidmatan penstriman video, Netflix.

"Kastam akan maklumkan mengenai cukai ke atas industri baharu pada masa yang betul-betul sesuai, biarlah kita buat kajian terlebih dahulu," katanya.



T. SUBROMANIAM